

Newspaper

Sinar Harian

Date

14 February 2016

Tun Mahathir jadi penabung GKCM

Sinar Harian - 14/2/2016

Video persetujuan dimuat naik dalam sebuah blog, kumpulan ini perlu bergerak aktif bagi dapatkan sokongan

■ NOOR AZURA
SAHRIL

SHAH ALAM

- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad setuju untuk menjadi penabung kepada Gabungan Ketua Cawangan Malaysia (GKCM).



MAHATHIR

Beliau menerima pelawaan itu dalam satu pertemuan dengan 21 ahli jawatankuasa GKCM di pejabatnya di Yayasan Al-Bukhari, Kuala Lumpur, kelmarin.

Video yang memaparkan Mahathir menerima pelawaan itu turut dimuat naik dalam sebuah blog, *dinturtle.blogspot.in*, semalam.

"Saya diminta untuk menjadi penabung GKCM dan saya terima," katanya di dalam video yang berdurasi 2:20 saat itu.

Blog itu turut melaporkan GKCM mengadakan lawatan rasmi ke pejabat Mahathir bagi memperkenalkan pergerakan tersebut selain meminta nasihat serta pandangannya.

GKCM merupakan kumpulan yang disertai ketua cawangan Umno yang mendesak Datuk Seri Najib Razak meletakkan jawatan sebagai Presiden parti dan mengadakan pemilihan parti secepat mungkin.

Selain menerima pelawaan itu, Mahathir turut menasihatkan

kumpulan itu supaya bergerak aktif bagi mendapatkan sokongan.

"Saya minta kalau boleh, gerakan ini (GKCM) aktif. Kalau kita nak pergi seluruh Malaysia mungkin (melibatkan) belanja banyak, tapi tiap-tiap negeri mesti ada orang

(wakil) yang gerakkan. Ini cukup baik," katanya.

Katanya, beliau tidak dapat memberi jaminan apa yang dilakukan kumpulan itu boleh berjaya, namun berharap dunia akan memerhatikan Najib.

"Saya tak boleh nak jamin apa yang kita buat ini akan berjaya, tapi dunia akan perhati orang ini (Najib)," dakwanya.

Beliau turut mendakwa proses undang-undang dalam negara sudah terhenti dengan mengambil contoh kes melibatkan bekas Naib Ketua Umno Bahagian Batu Kawan, Datuk Khairuddin Hassan.

"Dalam negara, proses undang-undang sudah terhenti. Begitu juga kalau kita buat petisyen kepada raja-raja, biarlah berjela-jela orang sains (tanda tangan) kepada raja.

"Biasanya kita tak nak raja terlibat dalam politik tetapi keadaan kini luar biasa yang mana the rule of law dah suspend, *the rule of Najib is on now*. Apa dia nak buat semua dia boleh," katanya.